

KUALA LUMPUR, 28 JULAI (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI NIAT MENINDAS PEKERJA ATAU MEMBELAKANGKAN KESATUAN SEKERJA TETAPI SEBALIKNYA BERHARAP DAPAT MENJALINKAN PERHUBUNGAN BERASAS KEPADA PERKONGSIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH DEMIKIAN KERAJAAN, MAJIKAN DAN KESATUAN SEKERJA TIDAK PATUT MENGGANGAP MASING-MASING SEBAGAI MUSUH DAN SEGALA TINDAKAN MESTI BERASASKAN KEPADA PERMUSUHAN INI.

+KONFRONTASI TIDAK ADA TEMPAT DALAM PERHUBUNGAN INI KERANA KERAJAAN TIDAK BERBEZA DARI SYARIKAT DALAM PERJALANANNYA,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN KONVENSYEN TIGA TAHUN SEKALI YANG KE 16 CUEPACS DI SINI.

BELIAU YAKIN DENGAN PENTADBIRAN KERAJAAN YANG LEBIH CEKAP, LEBIH BANYAK HASIL AKAN DIPEROLEHI DAN KERAJAAN DAPAT MEMBUAT PERUNTUKAN UNTUK SEMUA RAKYAT YANG JUGA AKAN MENGUNTINGKAN KERAJAAN.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MEMBERI PENGAKUAN KERAJAAN SANGGUP DAN AKAN BEKERJASAMA DENGAN PUCUK PIMPINAN BARU CUEPACS YANG AKAN DIPILIH DALAM KONVENSYEN EMPAT HARI ITU. -- LAGI 2102/OM

ZCZC B7181

MAHATHIR-KESATUAN 2 KUALA LUMPUR

TETAPI PERDANA MENTERI BERPESAN SUPAYA CUEPACS MENKAKSI SEMULA KEADAAN KESATUAN ITU SEKARANG DENGAN KEADAAN YANG BERBEZA DENGAN KEADAAN PADA ABAD KE-19 DI WAKTU KESATUAN SEKERJA DIGUBAL.

BELIAU MENANYAKAN APAKAH CARA KONFRONTASI, UGUTAN DAN TINDAKAN PERUSAHAAN DIPERLUKAN UNTUK MENGATASI MASALAH SEKARANG.

SOALAN ITU DITUJUKAN KEPADA JUGA KEPADA PEKERJA, MAJIKAN DAN KERAJAAN MEMANDANGKAN DALAM MASYARAKAT MODEN ADA TIGA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM SEMUA MASALAH SOSIAL - IAITU KEDUA PIHAK YANG BERSENGGKETA DAN JUGA KERAJAAN.

BELIAU KESAL KERANA KETIGA-TIGA PIHAK ITU HINGGA SEKARANG BERPENDAPAT BAHAWA PEKERJA DENGAN MAJIKAN ADALAH MUSUH DAN SEGALA TINDAKAN MESTI BERASAS KEPADA PERMUSUHAN INI.

+MUNGKIN ADA PERHUBUNGAN CARA LAIN ANTARA MAJIKAN DENGAN PEKERJA TIDAK TERLINTAS DI HATI SESIAPA,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI 2106/OM

MAHATHIR - KESATUAN 3 KUALA LUMPUR 'R'R'R

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTA PARA PEKERJA NEGARA INI JANGAN TERPENGARUH DENGAN SISTEM KESATUAN SEKERJA EROPAH DI MANA MEREKA INGIN HIDUP MEWAH DAN CUBA MEMPENGARUHI + PEKERJA KITA DENGAN CARA HIDUP MEREKA, WALAUPUN DENGAN TINDAKAN MEREKA ITU, EKONOMI NEGARA KITA AKAN ROSAK DAN PEKERJA KITA AKAN MENGGANGUR+.

MENURUTNYA JIKA MENDAPAT PELUANG, KESATUAN SEKERJA ASING TIDAK SEGAN-SEGAN CAMPURTANGAN DALAM URUSAN EKONOMI DAN POLITIK RUMAHTANGGA MALAYSIA.-

+MEREKA SANGGUP BERTINDAK TERHADAP HARTA KITA DI NEGARA MEREKA, KERANA MEREKA TAHU TIDAK AKAN MENGANCAM HARTA MEREKA DI SINI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SEBENARNYA DI ZAMAN MODEN INI PERHUBUNGAN ANTARA MAJIKAN DAN PEKERJA LEBIH MERUPAKAN PERHUBUNGAN ANTARA DUA RAKAN.

ANGGAPAN MAJIKAN BAHAWA PEKERJA BOLEH DIGUGURKAN BILA-BILA MASA JIKA RUGI DAN ANGGAPAN PEKERJA BAHAWA MEREKA BOLEH MENINGGALKAN SATU MAJIKAN UNTUK PERGI BEKERJA DENGAN MAJIKAN LAIN APABILA GAJI DITAWARKAN LEBIH SEDIKIT ADALAH SALAH BELAKA.

OLEH KERANA MAJIKAN DAN PEKERJA ADALAH RAKAN PERKONGSIAN, TAMBAH BELIAU, KERAJAAN TELAH MENGESYORKAN PENUBUHAN KESATUAN DALAMAN DAN BUKAN KESATUAN SEKERJA. -- LAGI 2115/OM

MAHATHIR - KESATUAN 4 KUALA LUMPUR '82'8

KATANYA, DALAM KESATUAN DALAMAN, PARA PEKERJA TIDAK DIBAHAGIKAN MENGIKUT PEKERJAAN TETAPI SEBALIKNYA SEMUA PEKERJA ADALAH AHLI KESATUAN SEBUAH SYARIKAT DAN NASIB MEREKA TERIKAT DENGAN KUATNYA KEPADA MAJU MUNDURNYA SYARIKAT.

TERPULANGLAH KEPADA MEREKA UNTUK MENENTUKAN KEJAYAAN SYARIKAT MEREKA KERANA MAJIKAN MENGANGGAP PEKERJA SEBAGAI RAKAN DAN MAJIKAN SEDAR AKAN PERANAN PEKERJA SEBAGAI RAKAN YANG BERHAK MENDAPAT IMBUHAN DARI USAHA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MAJIKAN JUGA TIDAK LAGI PERLU BERUNDING DENGAN ORANG ASING YANG MEMIMPIN KESATUAN SEKERJA TETAPI RUNDINGAN AKAN DIADAKAN DALAM KELUARGA.

+JIKA KESATUAN DALAMAN INI DIAMALKAN BERSAMA DENGAN KERJA SEMUR HIDUP DAN BAYARAN BONUS MENGIKUT PARAS KEUNTUNGAN YANG DIDAPATI, MAKA BESAR KEMUNGKINAN TINDAKAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB OLEH MAJIKAN ATAU KESATUAN TIDAK BERLAKU,+ KATA BELIAU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA SISTEM ITU TIDAK MENJAMIN KEJAYAAN DAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA SISTEM IALAH MEREKA YANG MENYERTAINYA. -- LAGI 2140/0M
ZCZC B726

MAHATHIR-KESATUAN 5 KUALA LUMPUR '82'8

TETAPI DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN KEMUNGKINAN KESATUAN DALAMAN BERJAYA DALAM ZAMAN MODEN INI ADALAH LEBIH TINGGI DARI SISTEM KESATUAN SEKERJA +YANG IMPERSONAL+ YANG DIASASKAN KEPADA ANGGAPAN BAHAWA PEKERJA DAN MAJIKAN ADALAH MUSUH.

BELIAU MENGULANGI BAGI NEGARA INI, SEGALA TINDAKAN PERUSAHAAN ADALAH TIDAK WAJAR DAN MERUGIKAN KERANA KERUGIAN AKIBAT MOGOK AKAN MENGURANGKAN HASIL KERAJAAN UNTUK DIBELANJAKAN KEPADA RAKYAT.

BELIAU GEMBIRA KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DALAM KERAJAAN DAN CUEPACS TIDAK BERTINDAK DI LUAR BATASAN SEPerti YANG BERLAKU DI NEGARA LAIN DAN KHIDMAT KERAJAAN TIDAK TERGENDALA KERANA TINDAKAN PERUSAHAAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.

BELIAU PERCAYA WALAUPUN KEPIMPINAN CUEPACS MUNGKIN BERTUKAR, SIFAT BERTANGGUNGJAWAB INI AKAN DIKEKALKAN DAN MEREKA TIDAK LUPA BAHAWA MALAYSIA SEBUAH NEGARA MEMBANGUN.

+SEPERTI MANA ORANG YANG MISKIN YANG BERLAGAK SEBAGAI ORANG KAYA AKAN MENDERITA AKHIRNYA, BEGITU JUGA MALAYSIA TIDAK BOLEH BERLAGAK DAN MENGAMALKAN CARA-CARA NEGARA YANG KAYA,+ KATA BELIAU.

DI AKHIR UPACARA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERIMA PINGAT EMAS SEBAGAI MENGHARGAI JASANYA KEPADA KEPENTINGAN PEKERJA.

TURUT MENERIMA PINGAT EMAS IALAH PRESIDEN CUEPACS, ENCIK T. NARENDRAN, YANG AKAN BERSARA, NAIB PRESIDEN CUEPACS, CIK THERESA CHOONG DAN TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS, ENCIK ILIAS WAN CHIK.

-- BERNAMA 2145/0M